

Prestasi Kecekapan Agihan Kewangan dan Bukan Kewangan dalam Kalangan Institusi Zakat di Malaysia

(Financial and Non-Financial Distribution Efficiency Performance among Zakat Institutions in Malaysia)

Eza Ellany Abdul Lateff

Mohd Rizal Palil

Mohamat Sabri Hassan

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Ketidakecekapan agihan institusi zakat adalah antara salah satu punca yang telah menjejaskan tahap keyakinan masyarakat Islam untuk menjalankan kewajipan membayar zakat kepada institusi zakat. Ketidakecekapan agihan tersebut boleh dilihat melalui lebihan zakat yang tidak diagihkan dan kegagalan institusi zakat mengagihkan zakat kepada kelapan-lapan golongan asnaf dan tidak mengikut keutamaan asnaf. Berdasarkan ketidakecekapan agihan tersebut, objektif kajian dibentuk untuk menilai prestasi agihan institusi zakat di Malaysia. Kajian telah mengkategorikan prestasi kecekapan agihan institusi zakat kepada dua iaitu kecekapan agihan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Data sekunder (laporan tahunan institusi zakat) dan data primer (soalan kaji selidik) telah digunakan untuk mendapatkan data kajian dari tahun 2005 hingga 2010 dan dianalisis menggunakan analisis min. Hasil kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan institusi zakat, walaupun nilai skor kecekapan yang diperolehi tidak konsisten. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) merupakan institusi zakat yang memperolehi skor terbaik untuk kecekapan agihan kewangan. Manakala Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) adalah institusi zakat yang memperolehi skor terbaik untuk kecekapan agihan bukan kewangan. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah antara institusi zakat yang mempunyai skor terendah untuk kedua-dua prestasi kecekapan agihan. Kajian mencadangkan melalui pengukuran kecekapan agihan yang dibentuk bagi setiap institusi zakat, institusi yang berkecekapan tinggi boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kepada institusi zakat lain dalam usaha meningkatkan prestasi agihan institusi zakat di Malaysia secara menyeluruh. Kadar haddul kifayah yang lebih relevan perlu dipandang serius dalam menjamin keadilan terhadap asnaf dan prestasi agihan institusi zakat.

Kata kunci: Institusi zakat; prestasi kecekapan agihan kewangan; prestasi kecekapan agihan bukan kewangan

ABSTRACT

Inefficient distribution of zakat institutions is among one of the causes that have affected the confidence level of the Muslim community to carry out the obligation to pay zakat to zakat institutions. The distribution inefficiencies can be seen through the surplus of zakat that are not distributed and the failure of zakat institution to distribute the zakat to eight classes of recipients and do not follow the priority of the recipients. Based on that distribution inefficiencies, the objective of the study was designed to evaluate the distribution performance of zakat institutions in Malaysia. The study has categorized distribution efficiency of zakat institutions into two, which are financial and non-financial distribution efficiency. Secondary data (zakat institutions annual report) and primary data (questionnaire) was used to obtain the data from 2005 to 2010 and being analyzed using mean analysis. The results show that, there are an improvement in financial and non-financial distribution performance of zakat institutions, although the efficiency scores obtained are not consistent. Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) is the zakat institution that achieved the best score for financial distribution efficiency. While Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) is the zakat institution that achieved the best score for non-financial distribution efficiency. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) is among the zakat institutions which has the lowest score for both distribution efficiency. The study suggest that through the distribution efficiency measurement that the formed for each of zakat institutions, institutions that the highly efficient can be used as a benchmark for others zakat institutions in order to improve the zakat institutions distribution performance in Malaysia. More relevant haddul kifayah rate should be taken seriously in ensuring fairness to the recipients and zakat institutions distribution performance.

Keywords: Zakat institutions; financial distribution efficiency performance; non-financial distribution efficiency performance.

PENGENALAN

Institusi zakat merupakan organisasi bukan untung, malah institusi awam yang ditubuhkan untuk mewujudkan sistem pengurusan zakat yang lebih bersestematik, dalam melaksanakan aktiviti mengutip dan mengagihkan wang zakat. Terdapat 14 buah institusi zakat yang ditubuhkan di Malaysia bagi mewakili 13 buah negeri dan tiga buah wilayah persekutuan (diwakili oleh sebuah institusi zakat).

Di Malaysia, urusan agihan zakat adalah tertakluk di bawah perundangan kerajaan negeri yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). Terdapat banyak pendapat dan pandangan berkaitan pembahagian zakat kepada asnaf. Malaysia adalah negara yang mengamalkan mazhab Imam Syafie. Menurut pandangan mazhab Imam Syafie, apabila urusan mengagihkan wang zakat itu adalah oleh imam (pemerintah/MAIN), maka agihan hendaklah dibuat kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Bahagian pertama diambil oleh amil kerana itu sebagai imbuhan mereka telah bersusah payah mengutip wang zakat dan selebihnya diagihkan kepada golongan lain di atas dasar persamaan hak antara mereka. Tetapi sekiranya agihan dilaksanakan oleh pembayar zakat itu sendiri, maka gugurlah hak amil tersebut dan agihan hanya perlu dilakukan kepada 7 golongan sahaja (Mohamad Uda 2005).

Zakat hanya boleh digunakan atau diagihkan kepada lapan golongan sahaja berdasarkan al-Qur'an di dalam surah at-Taubah, ayat 60 iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang miskin), amil, *muallaf*, *al-riqab* (hamba), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang), *fi-sabilillah* (orang yang berjuang di jalan Allah), *Ibn sabil* (musafir di perjalanan). Agihan zakat yang adil hendaklah dilaksanakan seboleh-bolehnya kepada kelapan-lapan golongan asnaf. Menurut mazhab Iman syafie, zakat boleh juga diagihkan kepada sekurang-kurangnya tiga golongan yang mana golongan ketiga adalah amil dan itu sudah memadai (Mohamad Uda 2005). Secara umumnya, terdapat empat golongan yang perlu diberikan keutamaan dahulu dalam menerima wang zakat menurut pandangan Imam Syafie ini iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *al-gharimin* (orang yang dibebani hutang) dan *ibn sabil* (musafir di perjalanan) (Mohamad Uda 2005). Justeru, amil akan mengambil tempat ketiga selepas asnaf fakir dan miskin berdasarkan hujah sekurang-kurangnya agihan patut dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf. Berdasarkan keutamaan ini, institusi zakat perlu memastikan kelima-lima asnaf ini mendapat bahagian zakat yang sepatutnya sebelum agihan dilaksanakan kepada tiga lagi golongan asnaf yang dinyatakan di dalam al-Qur'an. Ini adalah bagi memastikan agihan yang adil dapat dilaksanakan kepada asnaf mengikut syariat yang telah ditetapkan.

Namun begitu, pengurusan agihan zakat yang dilaksanakan tidak secepat pengurusan kutipan zakat. Antara bukti ketidakcekapan pengurusan agihan zakat

adalah, pertama masih terdapat dana zakat di beberapa negeri masih berbaki dan tidak diagihkan (Ab. Rahim 2007) seperti di dalam Jadual 1 iaitu melebihi 25% pada tahun 2010 seperti di Wilayah Persekutuan, Pahang dan Sarawak. Bukti ketidakcekapan agihan kedua adalah agihan zakat yang tidak menyeluruh kepada lapan golongan asnaf. Hairunnizam et al. (2008; 2009a) menemukan institusi zakat gagal mengagihkan wang zakat kepada kesemua lapan golongan asnaf dan mendapati asnaf *fi-sabilillah* adalah asnaf yang menerima wang zakat terbanyak selain fakir dan miskin. Sepatutnya, berdasarkan pandangan Imam Syafie lima golongan yang perlu diberi keutamaan fakir, miskin, amil, *gharimin* (orang yang dibebani hutang) dan *ibn sabil* (musafir di perjalanan) (Mohamad Uda 2005). Di sini, asnaf *fi-sabilillah* bukanlah merupakan golongan asnaf yang utama yang perlu menerima zakat untuk jumlah yang paling banyak.

Dua bukti ketidakcekapan di atas boleh digunakan sebagai kayu pengukur dalam menilai kecekapan agihan institusi zakat. Lebihan zakat yang tidak diagihkan boleh dilihat sebagai petunjuk kepada kecekapan prestasi berbentuk kewangan. Manakala pengagihan zakat mengikut keutamaan asnaf pula boleh menjadi petunjuk kepada kecekapan prestasi berbentuk bukan kewangan.

Rasionalnya untuk kajian ini menguji kecekapan agihan zakat berdasarkan dua bukti ketidakcekapan agihan yang dinyatakan adalah kerana, pertama, ketidakcekapan agihan yang berlaku banyak memberikan persepsi buruk (Sanep dan Hairunnizam 2004) dan menjejaskan tahap kepercayaan umat Islam terhadap institusi zakat (Hairunnizam et al. 2008, 2009a). Sebanyak 57.1% responden tidak berpuas hati dengan pengurusan agihan institusi zakat (Sanep et al. 2006) dan faktor ketidakpuasan hati terhadap pengurusan agihan zakat merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat kepada institusi formal (Sanep dan Hairunnizam 2005). Sekiranya prestasi kecekapan agihan institusi zakat tidak ditingkatkan, pembayar zakat akan cenderung secara terus memberikan zakat kepada asnaf dan tidak melalui institusi formal zakat (Sanep et al. 2006) dan menyebabkan kebocoran kutipan zakat (Sanep dan Hairunnizam 2005).

Kedua, untuk kecekapan prestasi agihan berbentuk bukan kewangan, kajian lepas yang mengkaji kecekapan dari sudut bukan kewangan adalah terhad berbanding kajian berkaitan keberkesanan bukan kewangan (Hairunnizam, Sanep dan Mohd Ali 2004; Rosbi dan Sanep 2010). Ketiga, kecekapan prestasi agihan berbentuk bukan kewangan adalah relevan untuk dikaji kerana ia diukur berdasarkan pandangan Imam Syafie terhadap empat golongan asnaf yang perlu diutamakan semasa agihan zakat dibuat iaitu fakir, miskin, orang yang memiliki hutang dan musafir yang sedang dalam perjalanan) (Mohamad Uda 2005). Agihan berdasarkan keutamaan asnaf ini sangat berkaitan rapat dengan kadar

JADUAL 1. Statistik Kutipan dan Agihan Zakat Institusi Zakat di Malaysia bagi Tahun 2008 Hingga 2010

Negeri	Jumlah kutipan zakat (RM Juta)			Jumlah Agihan (RM Juta)			Lebih Agihan (%)		
	2008	2009	2010	2008	2009	2010	2008	2009	2010
Johor	100.70	109.23	122.34	78.63	96.37	115.00	21.95	11.77	5.95
Perak	57.50	62.30	70.20	47.20	59.50	65.20	17.91	4.49	7.12
Perlis	23.07	29.63	38.09	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A	N/A
Kelantan	58.17	66.52	70.37	30.81	58.83	64.81	47.03	11.57	7.91
Terengganu	64.42	73.56	76.44	35.81	52.58	61.74	44.42	28.52	19.23
Wilayah Persekutuan	210.88	247.94	280.63	117.18	135.11	186.52	44.43	45.51	33.53
Negeri Sembilan	38.47	42.86	51.63	37.33	41.02	50.57	2.96	4.29	2.07
Melaka	26.94	30.78	34.43	21.43	32.16	31.77	20.46	(4.47)	7.73
Pahang	57.00	72.70	80.87	26.36	40.74	50.30	53.76	43.96	37.80
Selangor	244.47	283.79	336.93	189.00	279.19	330.36	22.69	1.62	1.95
Pulau Pinang	38.64	44.88	49.95	45.70	49.35	58.18	(18.28)	(9.97)	(16.47)
Sabah	23.80	25.40	32.88	19.38	24.37	26.02	18.60	4.07	20.86
Sarawak	36.13	36.91	39.14	18.59	23.20	23.93	48.54	37.14	38.86
Kedah	53.20	70.90	76.95	42.62	55.76	N/A	19.89	21.32	N/A

Sumber: Laporan Tahunan Majlis Agama Islam Negeri dan Statistik Pungutan Zakat Mengikut Negeri Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji

haddul kifayah. Ini kerana kadar ini adalah penting dalam menentukan agihan terhadap fakir dan miskin. Sekiranya kadar *haddul kifayah* yang ditetapkan rendah, kebarangkalian untuk lebih zakat berlaku adalah tinggi jika prinsip asas keutamaan asnaf Imam Syafie ini dipatuhi.

Berdasarkan kedua-dua pengukuran kecekapan agihan yang menjadi tumpuan kepada pembayar zakat ini, timbul persoalan apakah tahap prestasi institusi zakat berdasarkan kedua-dua pengukuran prestasi iaitu kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan? Objektif utama kajian yang ingin dicapai iaitu menilai prestasi agihan institusi zakat berdasarkan kedua-dua pengukuran prestasi ini iaitu kecekapan agihan kewangan dan bukan kewangan.

ZAKAT DAN PENGURUSAN ZAKAT DI MALAYSIA

Di Malaysia, perundangan dan pentadbiran zakat adalah berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan iaitu Butiran (1) Senarai Kedua, Jadual Kesembilan, Peruntukan (74). Segala urusan berkaitan agama Islam termasuk zakat, sedekah, hibah, wakaf, korban dan seumpamanya adalah tertakluk di bawah MAIN. dan sistem perundangan negeri masing-masing. Urusan berkaitan zakat adalah tertakluk di bawah peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri atau Enakmen Zakat Negeri. Raja dan Yang Di Pertuan Agong telah diberi kuasa dalam urusan berkaitan mengutip dan mengagih wang zakat. Di bawah MAIN terdapat Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri (JHEIN)

di mana di bawahnya terdapat satu unit khas yang dikenali sebagai Baitulmal atau Jabatan Zakat yang telah dibentuk bagi melaksanakan segala urusan berkaitan zakat iaitu mengurus, mengutip dan mengagihkan zakat kepada golongan asnaf berkelayakan (Abd Halim, Arifin, Rawi, Mastura dan Siti Nor Hidayah 2009).

Pada tahun 1990an, sistem kutipan zakat secara profesional telah diperkenalkan di Malaysia melalui aktiviti pengkorporatan dan penswastaan. Setelah pengenalan tersebut struktur pengurusan aktiviti zakat di Malaysia telah mengalami perubahan di negeri-negeri tertentu seperti di Jadual 2. Secara keseluruhan, institusi zakat di Malaysia mengamalkan struktur pentadbiran zakat berbeza-beza mengikut negeri masing-masing. Di beberapa buah negeri, kutipan dan agihan di tadbir oleh entiti berbeza kesan daripada aktiviti penswastaan dan pengkorporatan. Tetapi "Majlis dan baitulmal negeri masih memainkan peranan penting dalam pentadbiran zakat" (Shawal dan Hasan 2007: 60).

Di peringkat Persekutuan, satu Jabatan Wakaf, Zakat & Haji telah ditubuhkan (sekarang dikenali sebagai JAWHAR) pada 27 Mac 2004. JAWHAR membawa misi "meningkatkan taraf sosioekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf, zakat, *mal* dan haji/ umrah melalui tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan terbaik." JAWHAR berperanan mengukuhkan institusi zakat melalui bantuan, perangkaan, penyelarasan dan pemantauan sistem pengurusan zakat (Ab. Rahim 2007) di 14 buah institusi zakat yang diuruskan MAIN. Pada tahun 2007, JAWHAR telah mengeluarkan manual pengurusan agihan zakat untuk panduan amil dan pengurus zakat (MAIN) dalam mempermudah pengurusan agihan zakat.

JADUAL 2. Struktur pengurusan aktiviti zakat di Malaysia

No.	Negeri	Institusi Zakat	Struktur Pengurusan Aktiviti Zakat
1	Johor	Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat di bawah entiti pengurusan yang sama tetapi tiada sebarang aktiviti pengkorporatan atau penswastaan.
2	Perak	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK)	
3	Perlis	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIP)	
4	Kelantan	Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	
5	Terengganu	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	
6	Wilayah Persekutuan	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat bukan di bawah entiti pengurusan yang sama dan hanya aktiviti kutipannya yang telah dikorporatkan atau diswastakan.
7	Negeri Sembilan	Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	
8	Melaka	Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	
9	Pahang	Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	
10	Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS)	Aktiviti kutipan dan agihan zakat di bawah entiti pengurusan yang sama dan telah dikorporatkan atau diswastakan.
11	Pulau Pinang	Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ)	
12	Sabah	Pusat Zakat Sabah (Majlis Ugama Islam Sabah) (PZS-MUIS)	
13	Sarawak	Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	
14	Kedah	Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK)	Aktiviti agihan dan kutipan di bawah entiti pengurusan yang sama dan tiada sebarang aktiviti pengkorporatan atau penswastaan. Tetapi entiti ini secara langsung di bawah pemantauan Sultan.

HADDUL KIFAYAH

Haddul kifayah merupakan kadar asas keperluan minimum diri dan tanggungan dalam menentukan tahap kelayakan penerima zakat untuk asnaf fakir dan miskin dengan mengambilkira perbezaan tempat, masa, keperluan dan keadaan sosioekonomi (JAWHAR 2007). Terdapat perkara yang perlu diambilkira dalam penentuan *haddul kifayah* iaitu tujuan pensyariatan, keperluan asas, kategori, lokasi, status rumah, dan kadar *haddul kifayah* (JAWHAR 2007).

Terdapat tujuh kategori telah dikenalpasti perlu diambilkira dalam menentukan *Haddul Kifayah* iaitu ketua keluarga, dewasa, dewasa bersekolah, remaja bersekolah, kanak-kanak bersekolah, remaja atau kanak-kanak tidak bersekolah dan kanak-kanak berumur bawah 5 tahun. Penentuan *haddul kifayah* adalah berbeza mengikut lokasi iaitu bandaraya (tertakluk di bawah kuasa pentadbiran Dewan atau Majlis Bandaraya), kawasan bandar (adalah tertakluk di bawah kuasa pentadbiran Majlis Perbandaran atau Daerah) dan kawasan luar bandar (kawasan di luar persempadanan Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran atau kawasan operasi Majlis Daerah). Status rumah merujuk kepada rumah percuma (rumah milik sendiri atau didiami secara percuma) dan rumah

berbayar (rumah milik sendiri yang belum habis dibayar atau rumah sewa dan seumpamanya) (JAWHAR 2007).

Penentuan *haddul kifayah* terakhir adalah kadar *haddul kifayah* (JAWHAR 2007). Di Selangor, kadar *haddul kifayah* yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor untuk ketua keluarga adalah RM680. Manakala di Johor, Majlis Fatwa Negeri Johor (tetapi tidak diwartakan) telah menetapkan kadar *haddul kifayah* sebanyak RM460.40 bagi ketua keluarga. Di Kelantan, syarat am untuk penerima zakat asnaf fakir dan miskin yang ditetapkan adalah, untuk asnaf fakir pendapatan bulanan mestilah tidak melebihi RM440. Manakala asnaf miskin pendapatan bulanan mestilah tidak melebihi RM740.

Kadar *haddul kifayah* memainkan penting dalam menentukan kelayakan asnaf untuk menerima zakat. Secara logiknya, kadar *haddul kifayah* yang terlalu rendah akan membawa kepada lebih wang zakat yang tidak diagihkan. Ini secara tidak langsung akan turut mempengaruhi prestasi agihan zakat. Maka penentuan kadar *haddul kifayah* yang berpatutan ini adalah penting dalam pelaksanaan agihan zakat yang adil dan cekap. Ini dapat memastikan agihan zakat yang diberikan kepada asnaf benar-benar berkesan dalam mengurangkan bebanan asnaf tersebut.

PRESTASI AGIHAN ZAKAT DI MALAYSIA

Pengukuran prestasi di dalam sektor awam patut diukur berdasarkan '3E' iaitu ekonomi (pengukuran ekonomi merupakan skop pengukuran prestasi yang tertumpu kepada input iaitu sumber yang biasanya dinyatakan dalam bentuk kos-kos yang akan dilibatkan untuk memperoleh output yang ingin dicapai), efektif (pengukuran efektif merupakan skop pengukuran prestasi yang tertumpu kepada output iaitu barang akhir atau perkhidmatan yang merupakan hasil secara langsung terhadap aktiviti pengurusan) dan efisien (Abdul Rahim 2007). Pengukuran efisien atau kecekapan merupakan kombinasi pengukuran prestasi ekonomi dan efektif iaitu tumpuannya adalah terhadap input dan output. Kecekapan akan mengukur bagaimana produktifnya input digunakan untuk ditukarkan kepada output (Abdul Rahim 2007) atau mengukur sejauh mana organisasi menggunakan sumbernya yang sedia ada untuk mencapai objektifnya yang spesifik (Farrell 1957). Pengukuran prestasi ini sesuai digunakan institusi zakat yang merupakan organisasi bukan untung dan agensi awam. Kajian lepas telah menggunakan pengukuran prestasi keberkesanan dan kecekapan dalam mengukur prestasi agihan institusi zakat.

Kajian terhadap keberkesanan telah dilihat daripada pelbagai sudut, hasil (*output*) daripada agihan zakat dilakukan seperti kualiti hidup dan pendapatan penerima zakat. Hairunnizam et al. (2004) telah melihat keberkesanan agihan zakat dari aspek kualiti hidup fakir miskin. Rosbi dan Sanep (2010) turut melihat keberkesanan agihan zakat dari aspek kualiti hidup penerima zakat. Tetapi aspek kualiti yang dilihat adalah berlandaskan prinsip Islam iaitu prinsip *Maqasid al-Syari'ah* (agama, akal, nyawa, keturunan dan harta). Patmawati (2006) telah melihat keberkesanan agihan zakat melalui agihan pendapatan di kalangan para penerima agihan zakat dari asnaf fakir dan miskin di Selangor.

Berbeza dengan kajian lepas berkaitan prestasi kecekapan institusi zakat, tumpuan terhadap kecekapan agihan masih kurang. Hairunnizam et al. (2009b) melihat persepsi masyarakat terhadap kecekapan agihan berdasarkan lebihan zakat tidak diagihkan dan nisbah agihan per kutipan (peratusan nisbah jumlah lebihan berbanding jumlah kutipan). Kajian Norazlina dan Abdul Rahim (2011a, 2011b, 2011c) merupakan kajian kecekapan terhadap institusi zakat secara keseluruhan, bukan hanya tertumpu terhadap prestasi agihan. Kajian telah menggunakan kaedah DEA iaitu berdasarkan input (bilangan kakitangan dan jumlah perbelanjaan) dan output (jumlah kutipan, jumlah agihan dan bilangan pembayar zakat) bersesuaian, mereka telah membentuk tiga model DEA iaitu kecekapan teknikal (TE), kecekapan teknikal tulen (PTE) dan kecekapan skala (SE).

Berdasarkan kajian lepas ini, secara jelas menunjukkan prestasi agihan zakat diukur berdasarkan

prestasi keberkesanan dan prestasi kecekapan. Bagi kajian ini prestasi kecekapan agihan akan digunakan dan diukur sebagai wakil kepada prestasi agihan zakat. Ini kerana prestasi agihan zakat yang masih kurang memberangsangkan dan belum memuaskan hati masyarakat serta kurangnya kajian yang dilakukan berkaitan dengan prestasi kecekapan agihan zakat.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini telah dijalankan menggunakan data sekunder iaitu laporan tahunan institusi zakat bagi mendapatkan data berkaitan zakat daripada tahun 2005 hingga 2010. Oleh kerana sumber data yang terhad dan terdapat institusi yang tiada laporan tahunan, maka data primer turut digunakan iaitu soalan kaji selidik. Soalan kaji selidik ini telah dihantar kepada Timbalan Yang Dipertua, Pengurus Besar, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Setiausaha dan lain-lain jawatan pengarah bagi 14 buah institusi zakat yang terlibat dalam aktiviti agihan yang mewakili populasi institusi zakat di Malaysia, untuk dipertanggungjawabkan kepada unit terlibat bagi menjawab soalan kaji selidik tersebut.

PEMBENTUKAN SKOR BAGI PRESTASI AGIHAN INSTITUSI ZAKAT

Prestasi agihan institusi zakat terdiri daripada dua bentuk iaitu kewangan dan bukan kewangan. Prestasi agihan kewangan adalah skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ). Manakala prestasi agihan bukan kewangan adalah skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA).

PRESTASI AGIHAN KEWANGAN (SKOR KECEKAPAN LEBIHAN ZAKAT)

Skor kecekapan lebihan zakat (SKORLZ) dibentuk berdasarkan peratusan jumlah lebihan wang zakat tidak diagihkan berbanding jumlah kutipan (Hairunnizam et al. 2009b). Skor ini melihat berapa banyak peratusan lebihan wang zakat tidak diagihkan pada setiap hujung tahun.

$$SKORLZ = \frac{\text{Jumlah lebihan (Jumlah Kutipan - Jumlah Agihan)}}{\text{Jumlah Kutipan}}$$

Skor kecekapan lebihan zakat dibentuk dalam lingkungan nilai antara 0 hingga 1. Nilai 0 adalah nilai terbaik dan paling cepak. Semakin rendah skor kecekapan lebihan zakat berbanding jumlah kutipan semakin cepak agihan zakat. Terdapat juga institusi zakat yang membuat agihan melebihi kutipan yang diperolehi dalam tahun semasa. Ini mungkin disebabkan oleh lebihan agihan tahun sebelumnya yang diagihkan pada tahun semasa. Dalam situasi ini, nilai lebihan akan menjadi negatif dan tetap menunjukkan ketidakcekan dalam urusan agihan zakat. Ini kerana amaun zakat tidak diagihkan

tahun sebelumnya telah dibawa ke tahun semasa untuk diagihkan. Agihan yang cekap sepatutnya dilakukan pada tahun semasa kutipan wang zakat diperolehi.

PRESTASI AGIHAN BUKAN KEWANGAN (SKOR KECEKAPAN KEUTAMAAN ASNAF)

Skor kecekapan keutamaan asnaf (SKORKA) dibentuk berdasarkan kepentingan golongan asnaf yang wajib didahulukan mengikut turutan seperti dinyatakan dalam al-Qur'an dan as-sunnah, berlandaskan mazhab Imam Syafie. Terdapat empat golongan terlebih dahulu perlu diberikan keutamaan dalam menerima wang zakat menurut pandangan Imam Syafie iaitu *al-fuqara'* (orang fakir), *al-masakin* (orang yang miskin), *al-gharimin* (orang yang memiliki hutang) dan *ibn sabil* (musafirdi perjalanan) (Mohamad Uda 2005). Amil akan mengambil tempat ketiga selepas asnaf fakir dan miskin berdasarkan hujah sekurang-kurangnya agihan patut dilaksanakan kepada tiga golongan asnaf sekiranya agihan dilakukan oleh imam atau pemerintah. Berdasarkan keutamaan ini, institusi zakat perlu memastikan kelima-lima asnaf tersebut mendapat bahagian zakat sepatutnya sebelum agihan dilaksanakan kepada tiga lagi golongan asnaf yang dinyatakan di dalam al-Qur'an.

Kajian ini merupakan kajian pertama yang membentuk skor kecekapan mengikut keadilan kepada asnaf berpandukan pandangan mazhab Imam Syafie. Skor kecekapan keutamaan asnaf ini dibentuk dengan menjumlahkan perbezaan skor antara skor agihan sebenar mazhab Imam Syafie dengan skor agihan institusi zakat bagi lapan kategori asnaf dan dibahagikan dengan perbezaan skor maksimum yang boleh diperolehi bagi kelapan-lapan kategori asnaf. Jumlah perbezaan skor maksimum dalam kes ini adalah 26 (rujuk Jadual 3).

$$SKORKA = \frac{\text{Jumlah perbezaan skor bagi 8 kategori asnaf (skor agihan sebenar - skor agihan institusi)}}{26 \text{ (jumlah perbezaan skor maksimum)}}$$

JADUAL 3. Pengiraan Perbezaan Skor Maksimum untuk Skor Kecekapan Keutamaan Asnaf

Skor Agihan Sebenar	Skor Agihan Institusi Terendah	Perbezaan Skor Maksimum
1.00	6.00	5
2.00	6.00	4
3.00	6.00	3
4.00	5.00	1
5.00	4.00	1
6.00	3.00	3
6.00	2.00	4
6.00	1.00	5
Total		26

Skor agihan sebenar adalah skor yang diberikan kepada lapan kategori asnaf mengikut keutamaan mazhab Imam Syafie. Skor agihan sebenar ini terbentuk di dalam lingkungan skala skor 1 hingga 6 (rujuk Jadual 4). Kajian hanya menggunakan 6 skala skor disebabkan tiga lagi golongan asnaf iaitu *muallaf* yang perlu dijinakkan hatinya, *al-riqab* (hamba) dan *fi-sabilillah* (orang berjuang di jalan Allah) dan *ibn sabil* (musafir sedang dalam perjalanan) tidak dinyatakan kepentingannya mengikut turutan oleh mazhab Imam Syafie. Skor agihan institusi pula adalah skor yang diberikan berdasarkan jumlah agihan yang diberikan untuk setiap kategori asnaf. Untuk skor agihan institusi ini, nilai kewangan agihan zakat dijadikan asas dalam mengkategorikan setiap asnaf mengikut keutamaan. Contoh pengiraan jumlah perbezaan skor bagi 8 kategori asnaf sebelum dibahagikan dengan jumlah perbezaan skor maksimum adalah seperti Jadual 5. Skor keutamaan asnaf akan terbentuk di bawah lingkungan 0 hingga 1, yang mana 0 adalah paling cekap.

JADUAL 4. Skor Agihan Sebenar Mazhab Imam Syafie

Bil.	Kategori Asnaf	Skor Agihan Sebenar
1.	<i>al-Fuqara'</i> (orang fakir)	1
2.	<i>al-Masakin</i> (orang miskin)	2
3.	Amil	3
4.	<i>al-Gharimin</i> (orang yang memiliki hutang)	4
5.	<i>Ibn sabil</i> (musafir di perjalanan)	5
6.	Muallaf	6
7.	<i>al-Riqab</i> (hamba)	6
8.	<i>Fi-sabilillah</i> (orang yang berjuang di jalan Allah)	6

JADUAL 5. Contoh Pengiraan Jumlah Perbezaan Skor bagi 8 Kategori Asnaf Sebelum Dibahagikan dengan Jumlah Perbezaan Skor Maksimum

Bil.	Kategori Asnaf	Skor Agihan Sebenar	Skor Agihan Institusi (Contoh)	Perbezaan Skor
1.	Fakir	1	4	3
2.	Miskin	2	2	0
3.	Amil	3	3	0
4.	al-Gharimin	4	6	2
5.	Ibn sabil	5	6	1
6.	Muallaf	6	5	1
7.	al-Riqab	6	6	0
8.	Fi-sabilillah	6	1	5
Jumlah				12

HASIL KAJIAN

Sejumlah 14 soalan kaji selidik telah diserahkan kepada 14 buah institusi zakat melalui Pos Laju dan e-mel. Tindakan susulan telah dilakukan melalui panggilan telefon bagi memastikan maklumbalas terhadap soalan kaji selidik yang diserahkan kepada institusi diperolehi. Daripada 14 soalan kaji selidik yang diedarkan, sejumlah 13 (92.86%) soal selidik telah dikembalikan. Daripada jumlah tersebut, 3 (21.43%) soal selidik tidak dapat dianalisis kerana banyak maklumat pemboleh ubah utama tidak dipenuhi. Oleh itu, jumlah keseluruhan soalan kaji selidik yang boleh digunakan untuk dianalisis adalah 10 (71.43%).

UJIAN ANALISIS PRESTASI AGIHAN ZAKAT

Prestasi agihan zakat diukur berdasarkan skor kecekapan lebihan zakat (prestasi agihan kewangan) dan skor kecekapan keutamaan asnaf (prestasi agihan bukan kewangan). Jadual 6 menunjukkan hasil analisis prestasi agihan zakat. Analisis dilakukan bagi mencapai objektif pertama kajian iaitu menilai prestasi agihan institusi zakat berdasarkan pengukuran prestasi agihan berbentuk kewangan dan bukan kewangan. Berdasarkan Jadual 6 tersebut, prestasi agihan bagi MAIP, MUIP dan JZNK tidak dapat di analisis secara tepat kerana kekurangan data. Maka analisis terhadap skor kecekapan institusi ini tidak diambil kira dalam kajian. Namun begitu, data skor kecekapan yang ada tetap dimasukkan dalam Jadual 6 untuk maklumat hasil yang minimal.

Menurut Andrés-Alonso, Martín Cruz dan Romero-Merino (2006) kecekapan agihan berlaku apabila hampir kesemua derma yang diterima, dibelanjakan sepenuhnya untuk projek-projek kebajikan yang dirangka. Hairunnizam et al. (2009b), pula menyatakan agihan zakat yang optimum kepada 100% (lebih bernilai 0.00) adalah agihan yang terbaik (Hairunnizam et al. 2009b). Walaupun begitu, Hairunnizam et al. (2009b) beranggapan lebih agihan di bawah lingkungan 0.228 sudah dianggap berprestasi baik. Disebabkan tiada sebarang penanda aras untuk melihat kecekapan agihan dari sudut lebihan zakat, kajian ini telah menjadikan nilai lebihan zakat di bawah nilai 0.228 sebagai skor terbaik. Sekiranya terdapat skor kecekapan agihan zakat yang bernilai negatif maka nilai tersebut digantikan dengan nilai 0 kerana tiada lebihan zakat semasa yang tidak diagihkan.

Berdasarkan Jadual 6, negeri yang menunjukkan skor kecekapan lebihan zakat terbaik iaitu di bawah nilai 0.228 sepanjang tahun adalah MAINS, PUZ, LZS, MAIJ dan MAIM. Manakala TBS dan MAIWP pula telah menunjukkan skor kecekapan lebihan zakat terendah sepanjang tahun iaitu nilai skor kecekapan melebihi nilai 0.228. Berdasarkan nilai purata skor untuk tempoh enam tahun, skor kecekapan lebihan zakat terbaik dimiliki oleh MAINS (0.02) diikuti oleh PUZ (0.05), dan LZS (0.10).

Dapatan analisis menunjukkan peningkatan bilangan institusi yang mencapai skor kecekapan lebihan agihan yang baik di bawah 0.228 walaupun berlaku turun naik dalam nilai skor kecekapan tersebut. Ini menunjukkan institusi semakin cekap dalam mengagihkan wang zakatnya dalam tahun semasa. Manakala skor kecekapan lebihan zakat terendah secara purata adalah TBS (0.48) dan MAIWP (0.47).

Berdasarkan Jadual 6, kekerapan tertinggi nilai skor kecekapan keutamaan asnaf yang diperolehi adalah 0.46. Kajian menggunakan nilai skor di bawah 0.46 sebagai skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik. Berdasarkan Jadual 6, negeri yang menunjukkan skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik iaitu di bawah nilai 0.46 sepanjang tahun adalah MAIK, PZS-MUIS, PUZ, TBS, LZS, MAIDAM, MAIJ dan MAIPk. Manakala MAINS, MAIWP dan MAIM pula telah menunjukkan skor kecekapan keutamaan asnaf terendah sepanjang iaitu nilai skor kecekapan melebihi nilai 0.46. Berdasarkan nilai purata skor untuk tempoh enam tahun, skor kecekapan keutamaan asnaf terbaik dimiliki oleh MAIK (0.31) diikuti oleh PZS-MUIS (0.37) dan PUZ (0.38). Dapatan analisis jelas menunjukkan peningkatan bilangan institusi yang mencapai skor kecekapan keutamaan asnaf yang baik di bawah 0.46. Ini menunjukkan wang zakat telah diagihkan hampir mengikuti kepentingan kategori asnaf mazhab Imam Syafie, walaupun berlaku turun naik dalam nilai skor kecekapan tersebut. Manakala MAINS, MAIWP dan MAIM memiliki purata skor kecekapan keutamaan asnaf terendah iaitu 0.69, 0.50 dan 0.50.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Secara keseluruhan, kebanyakan institusi zakat telah menunjukkan prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan yang semakin meningkat, walaupun nilai skor yang diperolehi kurang konsisten. Hasil analisis ini selari dengan perbincangan Hairunnizam et al. (2009b), yang mana jumlah lebihan agihan zakat di bawah nilai 0.228 peratus bagi skor kecekapan lebihan zakat adalah dianggap berprestasi baik walaupun belum mencapai tahap agihan yang optimum kepada 100%. Bagi skor kecekapan lebihan zakat, ia merupakan model pengukuran kecekapan agihan yang baru diuji, maka tiada perbandingan dengan kajian lepas boleh dibuat. Namun begitu, institusi zakat telah berjaya meningkatkan prestasi agihan bukan kewangan ini dengan melaksanakan agihan yang adil mengikut keutamaan asnaf mazhab Imam Syafie, walaupun jurang perbezaan skor yang diperolehi masih besar bagi sebilangan institusi. Punca utama kepada jurang ini mungkin disebabkan kadar *haddul kifayah* yang rendah terutama bagi asnaf fakir dan miskin serta kesukaran menentukan dan memdapatkan asnaf yang layak menerima zakat (Hairunnizam et al. 2009b).

Hasil kajian ini juga mendapati prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan berhubungan negatif

JADUAL 6. Prestasi Kecekapan Agihan Zakat

Institusi Zakat (Agihan)	Skor Kecekapan Lebihan Zakat						Skor Kecekapan Keutamaan Asnaf							
	2005	2006	2007	2008	2009	2010	Purata	2005	2006	2007	2008	2009	2010	Purata
Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	0.20	0.16	0.12	0.22	0.12	0.06	0.15	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK)	0.20	0.24	0.30	0.18	0.04	0.07	0.17	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46	0.46
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs)														
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	0.27	0.38	0.40	0.47	0.12	0.08	0.29	0.46	0.31	0.31	0.31	0.31	0.19	0.31
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	0.29	0.33	0.38	0.44	0.29	0.19	0.32	0.46	0.46	0.38	0.46	0.46	0.46	0.45
Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)	0.47	0.61	0.50	0.44	0.46	0.34	0.47	0.54	0.54	0.54	0.46	0.46	0.46	0.50
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS)	0.03	0.00	0.00	0.03	0.04	0.02	0.02	0.69	0.69	0.69	0.69	0.69	0.69	0.69
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	0.25	0.20	0.23	0.20	0.00	0.08	0.16	0.46	0.54	0.62	0.54	0.46	0.38	0.50
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUJP)				0.54	0.44						0.46	0.62	0.46	
Lembaga Zakat Selangor (LZS)	0.14	0.08	0.12	0.23	0.02	0.02	0.10	0.46	0.46	0.46	0.46	0.38	0.38	0.44
Pusat Urus Zakat Negeri Pulau Pinang (PUZ)	0.16	0.07	0.07	0.00	0.00	0.00	0.05	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38	0.38
Pusat Zakat Sabah (Majlis Ugama Islam Sabah) (PZS-MUIS)	0.13	0.24	0.00	0.19	0.04	0.21	0.13	0.38	0.38	0.38	0.31	0.46	0.31	0.37
Tabung Baitulmal Sarawak (TBS)	0.55	0.61	0.47	0.49	0.37	0.39	0.48	0.38	0.38	0.38	0.46	0.46	0.46	0.42
Jabatan Zakat Negeri Kedah Darul Aman (JZNK)			0.10	0.20	0.21					0.38	0.46	0.46		

antara satu sama lain. Apabila prestasi agihan kewangan dicapai, ini pasti akan menurunkan prestasi agihan bukan kewangan bagi kebanyakan institusi zakat seperti MAINS dan MAIK. Sebagai contoh, untuk prestasi agihan kewangan, MAINS menunjukkan prestasi agihan yang cekap dengan nilai skor kecekapan lebih zakat kurang daripada nilai skor penanda aras 0.228. Namun begitu, untuk prestasi agihan bukan kewangan, MAINS tidak menunjukkan prestasi agihan yang cekap. Nilai skor kecekapan keutamaan asnaf yang diperolehi adalah melebihi nilai skor 0.46. Ini menunjukkan hubungan negatif wujud di antara prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan milik MAINS. Hubungan negatif ini juga, dapat dilihat melalui matrik korelasi yang dilakukan seperti di Jadual 7 yang mana hubungan yang wujud antara skor kecekapan lebih zakat dan skor kecekapan keutamaan asnaf adalah bernilai negatif.

Bagi MAINS, punca kepada pertentangan prestasi agihan kewangan dan bukan kewangan ini mungkin disebabkan lokasi bandar yang mempunyai kadar kemiskinan yang rendah iaitu di Negeri Sembilan sama seperti di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Unit Perancang Ekonomi 2010). Ini menyebabkan MAINS sukar untuk mencari asnaf fakir dan miskin untuk diagihkan zakat dan mengagihkan zakat lebih kepada asnaf lain dan telah meningkatkan skor kecekapan keutamaan asnaf. Bagi MAIK pula ia mungkin disebabkan MAIK lebih mengutamakan agihan dibuat kepada asnaf utama seperti pendapat mazhab Imam syafie. Kesukaran mendapatkan asnaf yang layak menerima zakat seperti *al-Riqab* (hamba) mungkin antara punca kepada lebih zakat MAIK.

Maka, institusi zakat perlu mencari alternatif terbaik supaya kedua-dua kecekapan ini dapat dicapai secara serentak serta kecekapan agihan zakat yang optimum dan adil dapat dilakukan. Kajian ini seterusnya mencadangkan supaya kadar *haddul kifayah* untuk asnaf fakir dan miskin di semak semula untuk mencapai peningkatan kedua-dua prestasi agihan. Berdasarkan definisi fakir dan miskin yang digariskan oleh institusi zakat di Malaysia, ia dilihat tidak lagi relevan dan realistik mengikut keadaan semasa. Sebagai contoh, kadar *haddul kifayah* di Selangor bagi fakir dan miskin ialah RM680 sebulan bagi ketua keluarga. Jumlah ini tidak lagi realistik memandangkan kos sara hidup semasa yang semakin meningkat. Polisi kerajaan yang

menetapkan gaji minimum RM900 berdasarkan Perintah Gaji Minimum 2012 P.U. (A) 214) berkuatkuasa 1 Januari 2013 juga menunjukkan bahawa *haddul kifayah* ini (RM680) tidak lagi relevan. Faktor kadar *haddul kifayah* yang terlalu rendah ini menjadikan pihak institusi zakat gagal untuk mengagihkan agihan zakat kepada fakir dan miskin, kerana kebanyakan daripada mereka memiliki pendapatan melebihi RM680. Golongan ini tidak mendapat bantuan zakat kerana mereka tidak dikategorikan sebagai fakir dan miskin sedangkan kehidupan mereka sangat sukar dan memerlukan bantuan.

Oleh yang demikian, pihak institusi zakat di Malaysia perlu mengkaji semula kadar *haddul kifayah* ini supaya ramai golongan yang benar-benar miskin dapat menerima bantuan zakat. Dengan itu, prestasi agihan zakat akan meningkat kerana tiada lebih zakat yang gagal diagihkan dan agihan kepada asnaf utama iaitu fakir dan miskin dapat dilaksanakan. Sekiranya pihak institusi zakat tidak mengkaji semula *haddul kifayah* ini, ia akan menyukarkan proses mendapatkan asnaf yang layak menerima zakat terutamanya fakir dan miskin. Penyemakan semula *haddul kifayah* ini kepada satu skala yang lebih realistik (dengan mengambilkira kos sara hidup semasa yang semakin meningkat serta pengikut lokasi), akan membantu untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat dan sekaligus menaikkan imej institusi zakat serta menepis tanggapan negatif masyarakat terhadap institusi tersebut.

Perlu ditegaskan di sini bahawa salah satu fungsi institusi zakat ialah membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Jika *haddul kifayah* ini masih tidak disemak semula seiring dengan kos sara hidup semasa, ini sudah pasti akan menjejaskan objektif utama institusi zakat.

KESIMPULAN

Kecekapan prestasi agihan zakat merupakan sesuatu yang dipandang penting oleh masyarakat Islam terutama para pembayar zakat. Prestasi agihan zakat yang baik dan cekap mampu mempengaruhi kutipan zakat di masa akan datang. Oleh itu, agihan zakat oleh institusi zakat bukanlah sesuatu yang boleh dipandang ringan. Allah s.w.t. telah mengamanahkan supaya setiap wang zakat diagihkan secara adil kepada asnaf yang layak. Bagi institusi zakat yang telah menerima tanggungjawab ini, mereka perlulah memainkan peranan sebaik mungkin dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

RUJUKAN

- Ab. Rahim, Z. 2007. Pengurusan zakat kontemporari. *Jurnal Pengurusan JWZH* 1(1): 13–22.
- Abd Halim, M.N., Arifin, M.S., Rawi, N., Mastura, M.S. & Siti Nor Hidayah, T. 2009. *Pengintegrasian Zakat & Cukai di Malaysia: Menerajui Kecemerlangan Zakat*. Shah Alam:

JADUAL 7. Matrik Korelasi Prestasi Agihan Zakat

Korelasi Kebarangkalian	SKORLZ	SKORKA
SKORLZ	1	

SKORKA	-0.1176	1
	0.3709	----

- Pusat Penerbitan Universiti, Universiti Teknologi Mara, Shah Alam.
- Abdul Rahim, A. R. 2007. Pre-requisites for effective integration of zakah into main stream Islamic financial system in Malaysia. *Islamic Economic Studies* 14(1 & 2).
- Andrés-Alonso, de P., Martín Cruz, N. & Romero-Merino, M.E. 2006. The governance of nonprofit organizations: Empirical evidence from nongovernmental development organizations in Spain. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 35(4): 588–604.
- Farrell, M. J. 1957. The measurement of productive efficiency. *Journal of the Royal Statistical Society. Series A (General)* 120(3): 253–290.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Mohd Ali, M.N. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151–166.
- Hairunnizam, W., Sanep, A. & Radiah, A.K. 2008. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat di Malaysia: Mengapa Masyarakat Islam Tidak Berpuas Hati. Prosiding Seminar Kebangsaan Ekonomi Malaysia 2008, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- _____. 2009a. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapa masyarakat islam tidak berpuas hati? *Shariah Journal* 17(1): 89–112.
- _____. 2009b. Pengagihan Zakat oleh Institusi Zakat kepada Lapan Asnaf: Kajian di Malaysia. Prosiding Seminar Kebangsaan Ekonomi Islam 2008/09, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- JAWHAR. 2007. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia. 2009. Perlembagaan Persekutuan (pindaan terkini). (P.U.(A) 164/2009). <http://constitutii.files.wordpress.com/2013/01/perlembagaanpersekutuan.pdf>.
- _____. 2010. *Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015*. Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.
- Mohamad Uda, K. 2005. *Zakat: Teori, Kutipan dan Agihan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Norazlina, A.W. & Abdul Rahim, A.R. 2011a. A framework to analyse the efficiency and governance of zakat institutions. *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 2(1): 43–62.
- _____. 2011b. Efficiency and governance of zakat institutions. Dlm. *The World Universities 1st Zakat Conferences, 2011*. Kuala Lumpur.
- _____. 2011c. Efficiency of zakat institutions and its determinants. Dlm. *8th International Conference on Islamic Economics and Finance*. Doha, Qatar.
- Patmawati, I. 2006. *Economic Role of Zakat In Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor*. Serdang: Faculty of Economics and Management, Universiti Putra Malaysia.
- Rosbi, A.R., & Sanep, A. 2010. Pengukuran keberkesanan agihan zakat: Perspektif Maqasidal-Syari'ah. Dlm. *Seventh International Conference – The Tawhidi Epistemology: Zakat and Waqf Economy*. Bangi.
- Sanep, A. & Hairunnizam, W. 2005. Persepsi agihan zakat dan kesannya terhadap pembayaran zakat melalui institusi formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39: 53–69.
- _____. 2004. Persepsi dan kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang diikhthilaf. Dlm. *Seminar Halatuju Zakat Korporat Di Alaf Baru*. ESSET, Kajang Selangor: Kumpulan Kajian Zakat Fakulti Pengajian Islam UKM.
- Sanep, A., Hairunnizam, W. & Adnan, M. 2006. Penswastaaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *IJMS* 13(2): 175–196.
- Eza Ellany Abdul Lateff*
 Mohd Rizal Palil**
 Mohamat Sabri Hassan***
 Pusat Pengajian Perakaunan
 Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi, Selangor D.E.
 MALAYSIA
- *ella_ezaellany@yahoo.com
 **mr_palil@ukm.edu.my
 ***sabril@ukm.edu.my